

Islam dan Umat Islam

Kerajaan Singapura Tidak Ganggu Hal Ehwal Orang-orang Islam

Kerajaan Singapura telah mengumumkan dasarnya yang tegas tidak mengganggu hal ehwal orang-orang Islam Singapura, dan kerajaan sentiasa menghormati kepercayaan dan pegangan mereka terhadap agamanya, kecuali atas perkara-perkara yang diambil nasihat lebih dahulu dari wakil-wakil orang-orang Islam sendiri.

Demikian menurut yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Siaran itu berkata lagi:

Kerajaan mensifatkan segala kecaman dan tuduhan terhadap pentadbiran agama, terutama perjalanan Mahkamah Syariah yang dikatakan telah menyeleweng dari asas agama yang sebenar adalah timbul dari salah faham orang ramai di dalam mengertikan pentadbiran undang-undang Islam Singapura.

Baharu-baharu ini, orang ramai menerusi akhbar-akhbar telah menuduh Mahkamah Syariah mengamalkan ((Piagam Wanita)) tahun 1961 ke atas orang-orang Islam.

Dalam hubungan ini, kerajaan Singapura menjelaskan bahawa beberapa fasal sahaja di dalam ((Piagam Wanita)) 1961 itu diamalkan kepada orang-orang Islam di Singapura, bukan pada keseluruhannya.

Fasal itu ialah Fasal (1) Pendahuluan, Fasal (7) Isteri dan Anak, Fasal (8) Perlaksanaan Perintah-perintah Nafkah, Fasal (10) Kesalahan Terhadap Wanita-wanita dan Perawan-perawan, dan Fasal (11) berbagai-bagai perkara.

Di dalam Fasal (10) dalam ((Piagam Wanita)) tahun 1961, menentukan perundangan semula dengan pindaan Undang-undang Perlindungan Wanita dan Perawan-perawan, yang selalu diamalkan kepada orang-orang Islam dan bahagian ini ditadbirkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Fasal (7) satu perundangan semula dengan pindaan Undang-undang Nafkah Janda dan Anak yang selalu diamalkan kepada orang-orang Islam, dan Fasal (8) perundangan ini sentiasa diamalkan kepada orang-orang Islam dan hanya perubahan di dalam pentadbiran yang dibuat baharu-baharu ini ialah tuntutan nafkah itu tidak lagi diuruskan oleh majistret yang bukan Islam.

Kuasa Presiden Mahkamah

Kerajaan juga menyatakan bahawa presiden Mahkamah Syariah Singapura dilantik sebagai majistret untuk menguruskan perkara-perkara seperti itulah. Ini bererti bahawa Mahkamah Syariah itu yang sebenarnya ialah mahkamah

majistret yang menguruskan perkara-perkara nafkah.

Seorang Islam telah pun dilantik oleh kerajaan bagi menjadi majistret Mahkamah Syariah itu, mahkamah ini boleh mengeluarkan perintah-perintah kerana tuntutan nafkah, tetapi tidak ada kuasa untuk mengeluarkan perintah-perintah nafkah bagi kanak-kanak dan perintah-perintah yang menyebelahi isteri-isteri di Persekutuan Tanah Melayu.

Berhubung dengan had umur yang serendah-rendahnya untuk berkahwin yang ditentukan di dalam ((Piagam Wanita)) tahun

1961 itu, tidaklah meliputi orang-orang Islam, demikian kata kerajaan.

Apa yang dijalankan di dalam Mahkamah Syariah itu ialah arahan pentadbiran mendaftarkan kahwin sebarang perawan yang berumur di bawah 15 tahun dan diserahkan perkara seperti itu kepada Presiden Mahkamah Syariah.

Presiden Mahkamah Syariah akan menyiasat perkara perawan yang berumur di bawah 15 tahun dan jika beliau rasa puas hati bahawa perawan itu telah sampai umur untuk berkahwin dia akan memberi izin untuk berkahwin.

Kerajaan Singapura juga mengumumkan bahawa Lembaga Penasihat Islam telah meluluskan satu cadangan untuk dikanunkan dalam Rang Undang-undang Pentadbiran Islam bahawa serendah-rendah umur perkahwinan hendaklah ditetapkan 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan. Bagaimanapun ini belum lagi diperundang-undangan atau dilaksanakan.

Penceraian dan Poligami

Berhubung dengan penceraian, kadi-kadi hanya mengikut syarat dalam Undang-undang Islam 1957, yang membenarkan mereka mendaftarkan satu perceraian kiranya kedua-dua pihak setuju bercerai.

Lain-lain perkara adalah diserahkan kepada Mahkamah Syariah, yang akan mengadilinya mengikut undang-undang Islam.

Poligami (beristeri lebih dari satu) boleh dilakukan mengikut undang-undang Islam 1957 hanya dengan izin *Chief*Kadi. *Chief*Kadi mestilah mengamalkan

BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)

(Abdul Rahman H. Said) 1.50

2. Tunas Baru I 1.00

(Abdul Rahman M. Said) 1.50

3. Tunas Baru II, III, dan IV

4. Senang Bacha I dan II

(Hasan Basri) satu 80

(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk

Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A. H. Edrus) .30

6. Peristiwa Hari Sabtu " .30

7. Nabi Sulaiman dengan Semut .30

8. Lutong Sakti I " .35

9. Lutong Sakti II " .35

10. Karun Dengan Harta-nya .35

11. Pekebun Yang Tama' " .35

12. Lembu Chantek " .35

13. Kisah Minangkabau " .40

14. Sutan Balun " .40

15. Puteri Balqis " .45

16. Penduduk Gua " .45

17. Sebab Harimau " .50

18. Cherita Burong Hantu " .75

19. Nakhoda Dengan Datok Perpatih .30

20. Si-Buta " .30

QALAM

356 & 358, Geylang Road,
Singapore 14.

undang-undang ini mengikut syarat-syarat undang-undang Islam.

Beliau mestilah puas hati bahawa suami boleh memberi layanan dan tanggungan yang sama kepada isteri-isterinya.

Jika *Chief* Kadi telah ketat mengamalkan undang-undang itu maka rayuan terhadap keputusan kadi itu bolehlah pula disampaikan kepada Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan, supaya satu keputusan dapat dibuat dan dipatuhi.

Kerajaan juga menyatakan bahawa adalah terbuka kepada Lembaga Penasihat Islam atau sebarang orang untuk mencadangkan sebarang peraturan bagi memandu *Chief* Kadi dalam menggunakan kuasanya sendiri.

Hak-hak Orang Ramai

Nampaknya banyak orang tidak ketahui hak-hak mereka untuk merayu terhadap keputusan *Chief* Kadi, Presiden Mahkamah Syariah telah setuju memberi peluang kepada permintaan-permintaan yang ditolak itu merayu kepada Mahkamah Syariah, sekalipun masanya telah luput.

Kerajaan menegaskan bahawa tidaklah benar syarat-syarat pentadbiran Rang Undang-undang Islam telah diamalkan dalam Mahkamah Syariah, sekalipun Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Lembaga Penasihat Islam. Ia belum lagi menjadi undang-undang dan tidaklah boleh bagi pegawai-pegawai Mahkamah Syariah mengamalkan sebarang syarat-syaratnya.

Mahkamah Syariah dan pegawai-pegawainya sekarang mengamalkan syarat-syarat Undang-undang Islam 1957, sebagaimana yang telah dipinda oleh orang-orang Islam (pindaan undang-undang 1960).

Gelora di Tepian Pantai

Cerita lama berulang lagi di benua insan

Ratap sedih hilang ditelan segara lautan

Ia termenung di tepi pantai

Memikir hendak ke pajak gadai

Balik jumpa isteri tanya rantai

Dapat wang beli beras di kedai

Ini babak hidup kaum nelayan.

Anaknya lima, tiga bersekolah

Biaya diharap dari laut – saujana

Tetapi bila datang musim tengkujuh

Ketujuh-tujuh famili merana

Tanpa pergantungan tanpa layanan.

Ombak bergulung mendesir bayu

Hujan mencurah-curah berderu-deru

Dengan sedu suara ibu . . . nak, makan

ini dulu!

Sekian sebelum matahari terbit dan bulan

mengambang.

Gelora di tepian pantai

Babak sandiwara nelayan yang sayu dan

rawan

Hanya menyerah kepada Tuhan . . . dan Tuhan

Sebelum tirai ditutup buat penyudahan

Berilah para pelaku melihat cahaya bulan.

– **Zahari Awang**

Pantai Irama, Kelantan,

12.9.62